

KUALA LUMPUR, 28 MAC (BERNAMA)—KERAJAAN BERHARAP MUTU PENGELUARAN KAKITANGAN KERAJAAN AKAN MENINGKAT SETELAH SEKIM GAJI BARU DILAKSANAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN TOH PUAN OON ZARIAH ABU BAKAR (BN—KUALA KANGSAR) SEMASA SOALJAWAB DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MUTU PENGELUARAN AGENSI—AGENSI PELAKSANAAN RANCANGAN—RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN AKAN SENTIASA DIKESAN MENERUSI BADAN—BADAN PENGESAN DAN PENGAWASAN SAPERTI BAHAGIAN PENYELARASAN PERLAKSANAAN DAN BIRO PENGADUAN AWAM.

BELIAU MEMBERI JAMINAN SEBARANG KEKURANGAN DAN SEBAB—SEBABNYA AKAN SENTIASA DIPERBETULKAN.

“BAGAIMANAPUN JIKA TERDAPAT KELEMAHAN—KELEMAHAN AKILAT DARIPADA SIKAP DAN KHIDMAT YANG TIDAK BAIK, TINDAKAN—TINDAKAN MENGIKUT PERATURAN PERKHIDMATAN AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG BERKENAAN,” TEGASNYA.

— BERSAMBUNG 1705/YF

B589

PARLIMEN—MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SOAL BERLEBIHAN ATAU KURANGNYA KAKITANGAN DALAM SESUATU JABATAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUDUKAN INI DIKAJI SETIAP TAHUN APABILA PEMERIKSAAN BELANJAWAN DIJALANKAN.

SEBARANG KEKURANGAN ATAU KELEBIHAN TENAGA ADALAH DISELARASKAN SUPAYA PEMBAHAGIAN KAKITANGAN DI AGENSI—AGENSI KERAJAAN ADALAH SECUAI DENGAN TUGAS—TUGAS BADAN—BADAN ITU, KATANYA.

+SEGALA USAHA AKAN DIAMBIL BAGI MEMPASTIKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM AKAN BERTAMBAH BAIK DARI MASA KE SEMASA, TAMBAHNYA. — BERNAMA 1707/YF